

SUASANA majlis berbuka puasa anjuran Philea Resort yang diadakan Jumaat lalu.

Philea Resort teruskan tradisi CSR sempena Ramadan

# Idris, Fadilah santuni anak yatim

Oleh SHAZZUAN SHAH MOHD SALEH

AYER KEROH 13 Jun - Seramai 100 warga emas dan anak yatim diraikan pihak Philea Resort sempena Ramadan al-Mubarak ini.

Majlis Berbuka Puasa itu turut dihadiri Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron dan isteri, Datin Seri Fadilah Abdullah.

Kesemua yang diraikan adalah dari Rumah Budak Laki-Laki Tun Abdul Aziz (RBLTAA), Rumah Seri Kenangan Cheng dan Rumah Jalinan Kasih.

Anak-anak yatim dan warga emas turut berpeluang merasai pelbagai jenis juadah yang disediakan di hotel tersebut.

Pada masa sama, mereka juga turut menerima sumbangan dari Philea Resort yang disampaikan Idris dan Fadilah di majlis itu.

Penolong Pengurus Eksekutif Philea Resort, Connie Chin berkata, majlis itu juga merupakan salah satu Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) pihak hotel kepada masyarakat dan pihaknya bangga dapat merayakan anak-anak yatim dan



IDRIS menyampalkan sumbangan kepada warga emas dari Rumah Seri Kenangan Cheng.

miskin ini. Menurutnyanya, program berbuka puasa bersama anak-anak yatim merupakan program tahunan hotel terbabit. "Ini kita lakukan sebagai tanggungjawab sosial untuk



FADILAH beramah mesra dengan kanak-kanak dari Rumah Jalinan Kasih.

komuniti dan apa yang dibuat membolehkan anak-anak yatim mendapat manfaatnya," katanya semasa berucap di majlis tersebut.

Turut hadir, Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelan-

cong, Norena Jaafar; Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Melaka, Jeffri Munir dan Timbalan Pengarah Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia Melaka, Rahieza Razali.



ANAK-anak yatim dari RBLTAA menikmati juadah berbuka puasa disediakan pihak Philea Resort.



IDRIS dan Fadilah menyampalkan sumbangan kepada anak-anak yatim yang diraikan dalam Majlis Berbuka Puasa anjuran Philea Resort, Jumaat lalu.